

Jurnal PPM Vol. 7, 2013

UM MEMORY: PEMASYARAKATAN WARISAN SEJARAH

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof

Perpustakaan Universiti Malaya,
56300, Kuala Lumpur, Malaysia.
haslan@um.edu.my; mahbobyusof@um.edu.my

ABSTRACT

UM Memory is a digital archive which provides a platform to store and manage the University of Malaya historical photos. It was developed in 2011 as one of UM Library's digital initiatives in line with the current trend to leverage social media to connect with users. Hence, UM Memory initiative utilizes social media in socializing more than 3000 photos in the archive. This article will discuss the specification of its social media functions in the implementation stage within UM Memory as well the general outline of its socialization approach. Together, this article demonstrates that this effort is a viable approach to take UM Memory to the international level and become daily conversational topics among societies at large. The socialization approach has shifted the library services delivery, access and library collection dissemination. It changes the conventional outlook of collection delivery for reference and research to social media utilization as a channel to converse and share topics on the collection by the public.

Keywords: UM Memory; Photographs; Social media; Omeka; Heritage; Preservation; Academic libraries; University of Malaya Library

ABSTRAK

UM Memory adalah arkib digital foto bersejarah Universiti Malaya yang dibangunkan pada tahun 2011 sebagai salah satu inisiatif digital Perpustakaan UM. Media sosial yang menjadi tren terkini, menyediakan landasan luas untuk dimanfaatkan oleh perpustakaan dalam usaha membangunkan koleksi dan menyampaikan perkhidmatan. Justeru landasan media sosial ini telah digunakan sebaiknya oleh UM Memory untuk memasyarakatkan (socializing) lebih 3,000 foto yang terkandung dalam arkibnya. Artikel ini membincangkan inisiatif pemasyarakatan tersebut menggunakan fungsi media sosial yang tersedia dalam sistem dan juga melalui landasan media sosial umum. Usaha ini bukan sahaja sebagai salah satu pendekatan berkesan untuk memperluaskan akses dan sebaran ke peringkat global, tetapi juga dapat memasyarakatkan koleksi tersebut sehingga menjadi bahan bual-bicara khalayak umum. Pemasyarakatan (socialization) ini dilihat sebagai suatu anjakan kepada penyampaian perkhidmatan, akses dan penyebaran koleksi perpustakaan serta sekaligus mengorak selangkah ke hadapan iaitu dari hanya menyimpan dan menyediakan

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof

akses untuk rujukan penyelidikan, kini menjangkau ke media sosial menjadi topik dan bahan yang dikongsikan oleh khalayak umum.

Kata kunci: UM Memory; Gambar; Media sosial; Omeka; Warisan; Pemuliharaan; Perpustakaan akademik; Perpustakaan Universiti Malaya

PENGENALAN

Sejarah adalah peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau. Sejarah merupakan aspek penting dalam ketamadunan, peradaban dan budaya manusia. Justeru, warisan sejarah mesti dikekalkan dan dipelihara serta disebar luas untuk memastikannya tidak luput dari kehidupan manusia. Foto merupakan salah satu sumber rujukan sejarah. Peristiwa, individu, dan kehidupan masyarakat masa lalu dapat dirakamkan di dalam foto. Menerusi foto, buah fikiran dan cetusan emosi boleh berlaku yang mana perkataan tidak mampu melakukannya bersendirian.


Di dalam menjadikan foto sebagai sumber warisan sejarah, terdapat beberapa inisiatif terkemuka yang telah dilakukan. Usaha ini bertujuan untuk memasyarakatkan sejarah agar maklumat tentangnya sentiasa terpelihara dan difahami oleh masyarakat. Salah satu contoh inisiatif tersebut adalah "American Memory" (<http://memory.loc.gov/ammem/index.html>) yang diterajui oleh Library of Congress. Koleksi foto daripada abad ke 19 yang merakamkan sejarah perkembangan Amerika Syarikat dipaparkan kepada masyarakatnya sebagai sumber pendidikan dan pembelajaran berterusan. Contoh inisiatif lain adalah "The Commons" (<http://www.flickr.com/commons>) yang dipelopori oleh sistem media sosial Flickr. Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk perkongsian foto bersejarah dikalangan masyarakat dunia. Inisiatif ini disertai oleh institusi seperti Cornell University, National Library of London, NASA dan Smithsonian Institution. Oleh yang demikian, dapat dilihat foto mempunyai nilai warisan sejarah penting bagi mewujudkan masyarakat bermaklumat dan berilmu.

Definisi

Usaha di atas adalah sebahagian daripada pemasyarakatan warisan sejarah. Menurut Kamus Dewan istilah "pemasyarakat" "membawa maksud" proses atau usaha dan sebagainya untuk memasyarakatkan (Noreshah, 2010). Apa yang dilakukan oleh semua institusi yang menyertai inisiatif di atas adalah untuk memastikan maklumat tentang warisan sejarah sampai kepada masyarakat. Ini dapat dilakukan dengan menggunakan medium Internet seperti media sosial yang kini menjadi tren masa kini.

Arkib Digital UM Memory

Dalam konteks Perpustakaan Universiti Malaya, usaha pemasyarakatan warisan sejarah Universiti telah dilakukan menerusi pembangunan Arkib Digital UM Memory (<http://ummemory.um.edu.my>) yang dilengkapi dengan fungsi dan ciri media sosial. Perpustakaan menggalas tanggungjawab memelihara dan memulihara bahan bersejarah Universiti Malaya (UM) menerusi UM Memory dengan mengumpul, memelihara, mendigitis, mengindeks dan memberi akses kepada salinan digital foto bersejarah UM untuk tujuan penyelidikan dan rujukan khalayak umum. Skop koleksi UM Memory meliputi seawal penubuhan Universiti Malaya di Singapura iaitu pada tahun 1905 hingga perpindahannya ke Malaysia pada tahun 1959. Sebagai institusi pengajian tinggi terawal di Malaysia yang telah melahirkan ramai tokoh, pemimpin dan intelektual tersohor, Universiti Malaya adalah warisan sejarah pendidikan tinggi Malaysia yang mesti dikekalkan dan diserahkan kepada segenap lapisan masyarakat di negara ini.



Imej 1: Rakaman imej halaman utama UM Memory

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof

Edit Item #363: "Pilihanraya kampus"

Public: Featured:

Dublin Core	Dublin Core
Item Type Metadata	The Dublin Core metadata element set. These elements are common to all Omeka resources, including items, files, collections, exhibits, and entities. See http://dublincore.org/documents/dces/ .
Contribution Form	
Collection	
Files	
Tags	
Subject	
Description	

Imej 2: Rakaman imej borang metadata UM Memory

UM Memory dibangunkan pada tahun 2008 menggunakan sistem sumber terbuka berdasarkan platform web Omeka yang dibangunkan oleh Center for History and New Media, George Mason University, Amerika Syarikat. Omeka dibangunkan khusus untuk kegunaan perpustakaan, arkib dan muzium untuk memaparkan koleksi kebudayaan dan sejarah secara *online*. Omeka lebih memberi tumpuan kepada pembangunan kandungan dan konfigurasi teknikalnya adalah minimum. Antara kelebihan Omeka adalah *plugin* dan interaktiviti yang bercirikan media sosial yang seiring dengan tren semasa.

MEDIA SOSIAL DALAM UM MEMORY

Berikut adalah *plugin* media sosial untuk memasyarakatkan kandungan yang digunakan dalam UM Memory.

***Plugin* “online exhibit”**

Kepelbagaiannya tema atau subjek dalam koleksi UM Memory memberikan peluang kepada Pustakawan untuk memaparkan pelbagai topik sejarah Universiti Malaya dari awal penubuhannya hingga kini. Di samping itu keupayaan *plugin* *Online*


Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof

Exhibit untuk mempersembahkan koleksi menerusi pendekatan pameran *online* memberikan suatu kelebihan kepada pengunjung. Pustakawan dapat menentukan atau mempakejkan maklumat mengenai sesuatu topik kepada mereka. Oleh yang demikian, pengunjung dapat memahami maklumat yang penting mengenai sesuatu perkara atau peristiwa tentang Universiti Malaya.

Walaupun penyediaan pameran *online* dapat dibangunkan dalam tempoh yang amat pantas, namun tugas pengkuratoran digital ini (digital curation) perlu dilakukan dengan teliti bagi menghasilkan sebuah pameran yang lengkap. Ini merangkumi dari aspek pemilihan tema dan tajuk pameran, pencarian dan pengumpulan maklumat, pemilihan imej atau dokumen berkaitan tema pameran, rekaletak objek hingga kepada makluman kepada umum mengenai pameran tersebut. Aspek kesahihan, integriti dan kesesuaian maklumat perlu juga dititikberatkan bagi mengelakkan sebarang kesilapan dan salah faham (Harvey, 2010). Sumber rujukan yang berkaitan seperti buku dan individu yang terlibat dirujuk bagi memastikan perkara ini.

Online Exhibit, menyediakan dan menguruskan pameran *online* dengan menyediakan pelbagai templat pameran. Templat yang sesuai dipilih dan maklumat seperti tajuk pameran dan foto berkaitan dilengkapkan. Sumber foto dalam pameran ini adalah daripada koleksi sedia ada dalam UM Memory. Setakat ini Perpustakaan telah menyediakan dua pameran *online* yang bertajuk “Profesor Di Raja Ungku Aziz: The Renaissance Man” dan “Letters and Certificate of Congratulation”. Dengan tugas pengkuratoran berdasarkan penyelidikan yang dilakukan pustakawan pada awal penyediaan sebuah pameran *online*, masyarakat dapat melihat foto dan maklumat yang tepat tentang sesuatu subjek atau topik di dalam UM Memory.

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof



Imej 3: Pameran *online* tentang sijil-sijil penghargaan perlantikan
Naib Canselor Pertama Universiti Malaya,
Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Plugin “contribution”

Penglibatan masyarakat di dalam pembangunan koleksi UM Memory adalah amat digalakkan. Sumbangan mereka adalah penting. UM Memory memberikan maklumat kepada masyarakat tentang sejarah Universiti Malaya dalam bentuk visual dan tekstual. Namun begitu, tidak semua maklumat yang disediakan adalah lengkap. Perkara ini disebabkan oleh maklumat yang terdapat pada foto misalnya adalah sangat terhad. Boleh dikatakan 70 peratus foto yang di dalam koleksi UM Memory tidak mempunyai deskripsi. Sekiranya ada, maklumatnya adalah ringkas dan kadangkala sukar difahami kerana ditulis dengan tulisan tangan yang kurang jelas. Kebanyakan foto yang mempunyai deskripsi lengkap diperolehi daripada foto pameran yang pernah diadakan oleh Bahagian Perhubungan Awam Universiti Malaya sebelum ini. Mendapatkan maklumat tentang foto tersebut agak sukar. Ini terutamanya foto sebelum 1970an. Ini adalah kerana kebanyakan kesukaran menghubungi mereka untuk mendapatkan maklumat terperinci. Perpustakaan turut melibatkan staf yang telah berkhidmat

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof

lebih daripada 30 tahun dan yang telah bersara daripada perkhidmatan. Mereka memberikan maklumat berdasarkan memori kepada setiap foto yang disediakan.

Alternatif lain yang digunakan oleh UM Memory bagi mendapatkan maklumat daripada khalayak adalah dengan menggunakan *pluginContribution*. Menerusi kemudahan ini pengunjung bukan sahaja dapat membantu UM Memory dalam membekalkan deskripsi, tetapi ia turut memberikan peluang kepada masyarakat untuk berkongsi cerita, imej, video dan audio. Bahan yang ingin dikongsikan perlu dimuatnaik oleh mereka. Beberapa butiran seperti nama, alamat email dan perakuan sebagai pencipta perlu dilengkapkan untuk membolehkan bahan dimuatnaik oleh mereka secara *online* ke dalam UM Memory untuk paparan umum.

The screenshot shows a web-based form titled "UM Memory" with a dark header bar. The main title is "Contribute a Story or File". The form fields include:

- "Title of Contribution (optional)" with an empty input field.
- "What kind of contribution will you be making?" with a dropdown menu showing "Story" (selected), "Select Below", "Image", "Movie", and "Audio".
- "Your Story" with a large empty text area.
- "In addition to saving your contribution to the archive may" with a dropdown menu showing "Yes, including my name".

Imej 4: Rakaman imej borang Contribute

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof

All Titles	Dr A Raman
Title	Dr A Raman
Creator	Unknown
Contributor	Dr. Punnah Wong
Rights	Thank you for contribution and participation in the preserving University of Malaya heritage.
Online Submission	Yes
Posting Consent	Yes
Submission Consent	Yes
Contributor is Creator	No
Files	
Collection	University of Malaya: From Singapore to Malaysia

Imej 5: Rakaman imej gambar disumbangkan secara *online* oleh pengunjung UM Memory

Aplikasi Facebook Oleh UM Memory

Facebook adalah sebuah platform media sosial yang digunakan oleh masyarakat untuk sentiasa berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain. Media sosial ini bukan sahaja digunakan oleh golongan muda tetapi sesiapa sahaja yang mempunyai akses ke Internet. Ia dapat mendekatkan hubungan yang jauh dan menggalakkan perkongsian pandangan dan idea.

Dalam konteks UM Memory, jaringan sosial seperti Facebook ini mempunyai potensi besar dalam usahanya untuk mempromosikan bahan-bahan UM Memory. Perpustakaan Universiti Malaya mempunyai laman Facebook sendiri yang mempunyai *fan* lebih dari

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof

3000 orang. Oleh yang demikian, selain menggunakan *plugin* dalaman Omeka, Facebook juga turut digunakan untuk menarik lebih ramai pengguna ke UM Memory. Pustakawan melakukan pemilihan foto dari UM Memory yang mengandungi maklumat tajuk foto dan pautan kepada rekod imej di UM Memory untuk diposkan ke dalam Facebook pada waktu dan kekerapan tertentu. Tema imej yang disediakan adalah pelbagai. Contohnya aktiviti akademik, sukan, kolej kediaman, fakulti dan peristiwa yang berlaku di sekitar kampus. Pengunjung akan memberikan *comment* masing-masing terhadap foto tersebut dan ada sebilangannya yang berkongsi *comment* ke dalam media sosial lain seperti Google+ dan Twitter.

Jadual 1 menunjukkan sambutan para pengguna Facebook Perpustakaan Universiti Malaya tentang empat *posting* foto yang diambil daripada UM Memory. Jika diperhatikan jumlah keseluruhan pengunjung yang melawat (Total Reach) *post* UM Memory adalah seramai 18,500 orang. Manakala jumlah pengguna unik (Engaged Users) yang telah melawat *postpage* adalah seramai 1,890 orang. Pengunjung yang berbicara (Talking about this) mengenai kesemua *post* UM Memory ini adalah seramai 911 orang. Ini menunjukkan terdapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan masyarakat di Facebook tentang sejarah Universiti Malaya. Menerusi media sosial ini Perpustakaan kini dapat mengetahui reaksi sebenar masyarakat mengenai inisiatif pemasyarakatan warisan sejarah ini.

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof


Jadual 1. Pencapaian aktiviti pemasyarakatan foto dalam Facebook Perpustakaan

Tajuk Post	Total reach	Engaged users	Talking about this
Haluan Siswa 1988 	4504	370	172
Kolej Keempat, UM 	7744	950	451
Bangunan Baktisiswa UM 	2108	184	55
Exam Hall 1977 	4194	386	233
Jumlah Pengunjung	18,550	1,890	911

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof



Imej 6: Paparan rakaman skrin menunjukkan penglibatan arakat membicarakan tentang warisan sejarah UM. Ini menunjukkan aktiviti pemasyarakatan sejarah menerusi media sosial mendapat tempat di kalangan masyarakat.



Rajah 1: Peningkatan akses pengunjung ke UM Memory (Januari hingga Julai 2013)

PERANCANGAN MASA HADAPAN

UM Memory adalah sebuah inisiatif Perpustakaan Universiti Malaya bagi memastikan sejarah institusi pengajian tinggi terawal negara ini sentiasa terpelihara dan disampaikan kepada masyarakat umum. Oleh yang demikian, Perpustakaan telah merancang beberapa penambahbaikan berterusan agar dapat menarik lebih ramai pengujung ke UM Memory.

Haslan Tamjehi & Mahbob Yusof

- Paparan (interface) web UM Memory akan dikemaskini bagi memberikan pengalaman visual baru kepada mereka. Selain daripada itu, aspek pembangunan kandungan UM Memory akan ditambah dari masa ke semasa;
- Aktiviti untuk mencari dan mengumpulkan bahan berunsur berkaitan sejarah Universiti Malaya akan diyatikkan lagi. Penambahan kategori format selain imej akan cuba diusahakan. Pengunjung akan dapat merujuk lebih banyak fail dalam format audio, video dan teks di masa akan datang;

Jadual 2. Lain-lain *plugin* dan fungsi dalam Omeka

Nama Plugin	Fungsi
Tag	Tema tanpa hirarki subjek yang diberikan kepada setiap bahan.
Tweetster	Memberikan tweet secara automatik kepada akaun Twitter pengguna tentang penambahan terbaru di dalam koleksi.
WikiCite	Menambahkan Wikipedia <i>citation code</i> pada setiap bahan. Oleh yang demikian, pengguna boleh menyalin dan meletakkan <i>citation code</i> tersebut di dalam wikipedia dengan lebih mudah.
Social Bookmarking	Menggunakan fungsi AddThis bagi setiap laman agar pengguna dapat memasukkannya di dalam senarai <i>social bookmarking</i> mereka.
MyOmeka	Membolehkan pengguna masuk (login) ke dalam sistem dan melakukan item favoriting dan membuat <i>poster</i> daripadanya.
MediaRSS	Menambahkan kemudahan RSS (Really Simple Syndication) di dalam platform. <i>Plugin</i> ini memberikan maklumat bahan terkini di dalam koleksi kepada pengguna
Comments	Memberikan peluang kepada pengguna untuk memberikan komen dan penarafan kepada bahan di dalam koleksi.

- Kekerapan pameran *online* akan ditambah, setiap tahun sekurang-kurang dua buah pameran akan disediakan kepada pengunjung;
- Perpustakaan juga sentiasa menjalankan kegiatan penyelidikan dan pembangunan secara berterusan untuk meneroka kemungkinan lain dalam mempromosikan warisan sejarah ini kepada masyarakat;

- Penambahan lebih banyak *plugin* Omeka yang berorientasikan media sosial adalah di dalam perancangan Perpustakaan. Pengunjung akan mempunyai lebih banyak ruang dan pilihan untuk berkongsi dan berinteraksi dengan kandungan UM Memory. Paparan (interface) web UM Memory akan dikemaskini bagi memberikan pengalaman visual baru kepada mereka.

KESIMPULAN

Keupayaan media sosial dalam meningkatkan penawaran perkhidmatan Perpustakaan tidak dapat dinafikan. Ia bukan lagi suatu kehendak tetapi keperluan kepada pengguna yang rata-rata mempunyai akses ke teknologi tersebut. Perpustakaan harus menggunakan teknologi ini untuk memenuhi tren keperluan pengguna pada masa kini. Media sosial juga mampu menjadi medium dalam pemasyarakatan warisan sejarah. Pengaplikasiannya di dalam merealisasikan matlamat ini adalah praktikal kerana kemampuannya untuk membawa capaian maklumat sejarah tersebut ke pelbagai lapisan masyarakat.

RUJUKAN

- Ellison, N. B., Stenfield, C and Lampe, C. 2007. The benefits of Facebook “Friends”: social capital an college students’ use of online networks sites. *Journal of Computer Mediated-Communication*, Vol. 12, no. 4. Retrieved from: <http://jcmc.indiana.edu/vol12/issue4/ellison.html>.
- Harvey, D. E. 2010. *Digital curation: a how-to-do-it manual*, no. 170. New York: Neal-Schuman Publishers.
- Noresah Baharom. 2010 *Kamus Dewan*. 4th ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- O’Keeffe, G. S., Clarke-Pearson, K. and Council on Communications and Media. 2011. The impact of social media on children, adolescents and families. *Pediatrics*, Vol. 127, no. 800. Retrieved from: <http://pediatrics.aappublications.org/content/127/4/800.full.pdf+html>.